

NO. SOALAN : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-13,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)

TARIKH : 19 OKTOBER (RABU)

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan projek SCORE di Tanjung Manis, Sarawak. Berapakah jumlah pelaburan setakat ini dan jumlah sasaran pelaburan yang dijangka oleh Kerajaan. Nyatakan masalah dan cabaran yang dihadapi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komponen utama pembangunan di Tanjung Manis terdiri daripada industri pembinaan dan pembaikan kapal, Hab Halal Tanjung Manis (HHTM), Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (*Palm Oil Industrial Cluster - POIC*) dan *Central Oil Distribution Terminal (CODT)*. Bagi industri pembinaan dan pembaikan kapal, dua (2) syarikat pembinaan kapal telah beroperasi. Jangkaan pelaburan dalam industri ini adalah RM350 juta dengan penglibatan 10 syarikat perkapalan tempatan. Bagi Hab Halal Tanjung Manis pula, dua (2) syarikat juga telah melabur dan beroperasi. Jangkaan pelaburan bagi hab halal ini adalah RM914.45 juta dan lima (5) syarikat lagi, dari dalam dan luar negara dijangka membuat pelaburan dalam bidang pertanian iaitu penanaman nenas, halia, kelapa, pemeliharaan ayam dan akuakultur.

Cabaran utama dalam pelaksanaan projek-projek di Tanjung Manis antaranya adalah kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja tempatan yang mahir, separa mahir dan tidak mahir bagi semua rangkaian aktiviti pelaburan sama ada dalam peringkat hulu, pertengahan dan hiliran; kos pembangunan infrastruktur yang agak tinggi disebabkan keadaan muka bumi yang mempunyai banyak anak sungai dan memerlukan kerja-kerja tanah yang rumit; serta rangkaian pengangkutan dan telekomunikasi yang masih terhad.

Sekian, terima kasih.